



PENDAFTAR

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (06/18)
Tarikh : 12 April 2018
25 Rejab 1439H

SPP UPSI BIL. 6 TAHUN 2018

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 150 HARI DIGUNAKAN
SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-115 Bil.1/2018 pada 20 Februari 2018 telah bersetuju meluluskan UPSI menerima pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 mengenai kebenaran gantian cuti rehat melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

2. Untuk makluman, pekeliling ini bertujuan membenarkan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dikumpul melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan. Berdasarkan peraturan semasa, GCR yang dikumpul melebihi 150 hari tidak akan diambil kira untuk bayaran 'award' wang tunai apabila pegawai bersara.

3. Sebagai penambahbaikan, GCR melebihi 150 hari dibenarkan untuk digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan. Pegawai yang layak untuk menggunakan kemudahan ini adalah pegawai yang mengumpul GCR melebihi 150 hari pada tahun persaraan iaitu hanya GCR yang melebihi 150 hari boleh digunakan sebagai cuti rehat. Pegawai boleh menggunakan cuti ini secara sekaligus ataupun berperingkat dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh bersara tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

4. Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah pada 1 Januari 2018.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'

Yang benar,



(DR. HJH. ZAINAB OTHMAN)

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)